

Najib bayar jaminan tambahan RM1 juta

Ahli Parlimen Pekan itu ditemani anak lelaki sebagai penjamin

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN

KUALA LUMPUR

Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tiba di Mahkamah Tinggi di sini pada jam 1 petang semalam bagi melunaskan ikat jamin tambahan sebanyak RM1 juta.

Najib, 67, yang tiba dengan memakai kemeja biru muda pada mulanya tidak dapat dikesan oleh para wartawan kerana memasuki kompleks berkenaan menerusi pintu belakang.

Sejurus kemudian anak bongsunya, Norashman tiba selaku penjamin dan menuju ke kaunter Pendaftaran Jenayah Mahkamah Tinggi.

Setelah berada di sana selama 30 minit, Ahli Parlimen Pekan itu dilihat keluar bersama pengikutnya menerusi pintu utama mahkamah.

Kelmarin, Perdana Menteri keenam Malaysia itu dihukum penjara keseluruhan selama 72 tahun dan denda RM210 juta selepas didapati bersalah atas tujuh pertuduhan salah guna kuasa, pecah amanah dan pengubahan wang haram membabitkan dana syarikat SRC International Sdn Bhd berjumlah RM42 juta.



Najib tiba di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada jam 1 petang semalam bagi melunaskan ikat jamin tambahan sebanyak RM1 juta.

Bagi pertuduhan salah guna kuasa, Najib dihukum penjara selama 12 tahun dan denda RM210 juta, manakala bagi tiga pertuduhan pecah amanah beliau dikenakan hukuman penjara 10 tahun bagi setiap pertuduhan itu.

Bagi tiga lagi pertuduhan berkaitan pengubahan wang haram, Najib turut hukuman penjara 10 tahun bagi setiap pertuduhan.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan 72 tahun hukuman penjara, namun mahkamah memerintahkan kesemua hukuman itu berjalan serentak iaitu Najib hanya perlu menjalani hukuman penjara selama 12 tahun.

Sejurus keputusan itu dibuat, Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali memutuskan pasukan pembela-

an yang mewakili Najib berjaya membuktikan keadaan istimewa untuk menangguhkan hukuman sementara menunggu rayuan di Mahkamah Rayuan.

Bagaimanapun, jumlah ikat jamin perlu ditambah sebanyak RM1 juta dengan dua penjamin.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kadar ikat jamin bagi kes ini adalah sebanyak RM2 juta.

Najib juga harus melapor diri ke balai polis terdekat pada 1 dan 15 hari bulan setiap bulan.

Beliau diberi masa sehingga hari ini untuk membayar jumlah jaminan tambahan tersebut.

Najib yang menjadi Perdana Menteri keenam dari tahun 2009 hingga 2018 merupakan ketua kerajaan pertama di Malaysia diheret ke mahkamah.

Sinar Harian - 30/7/2020
mls: 6